



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

26 Mac 2021
12 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Tiada petunjuk nasib 6 pemancing
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan laut dalam 'curi' ikan nelayan persisir pantai• Haram jual telur penyu
Sinar Harian	
The Star	<ul style="list-style-type: none">• Selangor MB pays visit to refurbished urban river park
New Straits Time	
The Sun	<ul style="list-style-type: none">• Terengganu to amend Turtle Enactment in November –Exco (Online)
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 26 MAC 2021

9

Dalam Negeri

Tiada petunjuk nasib 6 pemancing

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

KEMAMAN: Tiga daripada enam pemancing yang terputus hubungan selepas keluar memancing di perairan Kemaman di sini Isnin lalu tidak pernah melakukan aktiviti menangkap ikan di laut sebelum ini.

Malah tiga sahabat karib sejak kecil iaitu Mohamad Zulkarnain Mohamat Nor, 20; Rosidi Mohamad, 22; dan Mohamad Shahrul Ainmie Abdullah, 19, tidak tahu berenang.

Ibu kepada Mohamad Zulkarnain, Aziam Ezawatie Fauzi, 38, berkata, walaupun anaknya sering memancing, tetapi aktiviti tersebut hanya di sungai dan tepi laut.

Katanya, kali terakhir dia berhubung dengan Zulkarnain menerusi WhatsApp pada petang Isnin lalu, sebelum anak kedua daripada tujuh beradik itu turun ke laut.

"Memang saya berat hati membenarkan dia memancing di laut selama dua hari. Saya minta dia jaga diri dan berhati-hati, namun mesej itu tidak dibaca sehingga hari ini.



PASUKAN SAR sehingga semalam belum menemui petunjuk mengenai kehilangan enam pemancing yang terputus hubungan dengan ahli keluarga sejak mereka keluar memancing di perairan Kemaman Isnin lalu.

"Saya harap anak saya dan rakan-rakannya selamat walaupun hakikatnya saya bimbang kerana dia tidak pernah ke laut serta tidak tahu berenang," katanya ketika ditemui di Zon Maritim Malaysia Kemaman di sini semalam.

Sementara itu, Nurul Nasuha Amran, 29, berharap operasi mencari dan menyelamat (SAR) adik tirinya, Mohamad Shahrul

Ainmie bersama lima rakan pemancing lain dipermudahkan ketika cuaca buruk.

Katanya, penduduk kampung dan ahli keluarga mangsa lain turut mengadakan solat hajat agar SAR menemui petunjuk baharu.

"Kami risau sebab Shahrul Ainmie tidak tahu berenang dan tiada pengalaman turun ke laut. Kali terakhir dia dapat dihubungi

pukul 3.21 petang, Isnin lalu," katanya.

Selain tiga sahabat baik itu, mangsa-mangsa lain yang hilang ialah Mohd. Shamrin Suhaimi, 29, dan dua beradik iaitu Mohd. Hafizrul Hisham Zakaria, 29, dan Muhammad Hazim Luqman, 19.

Terdahulu, SAR mencari enam kumpulan pemancing itu diperluaskan hingga ke perairan

Kuantan, Pahang.

Pengarah Zon Agensi Pengkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kemaman, Komander Maritim, Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, kawasan pencarian tertumpu di perairan Kuantan hingga Kertih dengan menggunakan aset KM Pekan dan KM Gemia.

Katanya, operasi hari kedua semalam turut dibantu pesawat AS365N3 Dauphin dari Stesen Udara Maritim Subang, Selangor.

"Kita belum menemukan petunjuk lokasi bot nelayan kelas A dinaiki enam pemancing berkenaan dan kita dimaklumkan keluarga mangsa, kali terakhir telefon bimbit seorang daripada mereka dapat dihubungi petang semalam (kelmarin).

"Kita percaya mungkin bot tidak hanyut ke tengah laut dan masih berada di perairan negara," kata beliau ketika ditemui di Zon Maritim Malaysia Kemaman semalam.

Semalam, akhbar melaporkan sebuah bot nelayan bersama enam kru termasuk tekong dikhuatiri hilang di perairan ini selepas terputus hubungan sejak kelmarin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		



SEBUAH bot yang ditahan kerana menjalankan aktiviti perikanan di kawasan pesisiran pantai di Bagan Datuk baru-baru ini.

Nelayan laut dalam 'curi' ikan nelayan pesisir pantai

LUMUT – Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan laut dalam yang melanggar syarat sah lesen dengan menjalankan aktiviti perikanan di kawasan pesisiran pantai baru-baru ini.

Pengarah Maritim Perak, Kepten Maritim Shahrizan Ramman berkata, kedua-dua bot itu ditahan melalui Op Pintar yang dilaksanakan agensi tersebut.

Menurutnya, dalam Op Pintar kelmarin, APMM mengesan sebuah bot nelayan tempatan kelas B di kedudukan 2.8 batu nautika dari barat Sungai Rungkup, Bagan Datuk pukul 6 pagi.

Kawasan itu dikategorikan sebagai Zon A iaitu bagi nelayan pesisir pantai.

“Bot itu dikendalikan dua kru warga Indonesia yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran menangkap ikan menggunakan pukat tunda di kawasan Zon A,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujar Shahrizan, sebuah lagi bot ditahan pada 19 Mac lalu kerana turut didapati melakukan aktiviti perikanan di Zon A sekitar 5.1 batu nautika dari barat daya Sungai Tiang, Bagan Datuk pada pukul 3 petang. Bot itu dikendalikan lima kru termasuk tekong.

“Kedua-dua bot disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(B) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen,” ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			18	26/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Haram jual telur penyu

KUALA NERUS – Terengganu akan mengharamkan sepenuhnya penjualan telur penyu menjelang akhir tahun ini bagi memastikan kelestarian reptilia yang hampir pupus itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) akan dipinda untuk tujuan itu.

“Terengganu satu-satunya negeri yang masih membenarkan penjualan telur penyu.

“Sebelum ini, larangan hanya melibatkan telur penyu belimbing tetapi spesies lain (agar, lipas dan karah) dibenarkan, menyebabkan ia dijual secara terbuka termasuk di Pasar

Payang, Kuala Terengganu,” katanya pada program Pemuliharaan Penyu Mak Kepit, Pulau Redang dekat sini semalam.

Azman berkata, selain larangan itu, penguatkuasaan bagi mengatasi isu pencerobohan dan gangguan sarang penyu juga akan diperketatkan.

Jelas beliau, sebahagian peruntukan dalam Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) yang telah berusia 34 tahun kini sudah tidak relevan bagi mengatasi isu semasa ancaman kepupusan reptilia yang dianggap ikon kepada negeri ini.

“Pindaan enakmen tersebut akan dibentangkan sekiranya Sidang Dewan Undangan Negeri boleh dilakukan pada November ini,” katanya.



TELUR penyu akan diharamkan penjualannya di Terengganu bagi memastikan kelestarian reptilia itu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU			6	26/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

Selangor MB pays visit to refurbished urban river park



Amirudin releasing fish at Pengkalan Batu Urban Park at Jalan Tepi Sungai, Klang.

SELANGOR Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari paid a visit to the refurbished Pengkalan Batu Urban Park in Klang.

To mark his visit, Amirudin released several *ikan jelawat* into a man-made wetland which bordered a section of the park at Jalan Tepi Sungai.

"This urban river park is the first phase of overall upgrading

works that will contribute to potential development along the river.

"The water quality has shown marked improvement, from Class V (contaminated and dangerous) to Class III (moderately good)," he said at the event.

Amirudin said Sungai Klang and its embankment held great prospects that could unlock

opportunities for businesses.

"We are currently in negotiations with several parties to realise a number of activities to propel the revival of Sungai Klang," he said.

Selangor Maritime Gateway, which was appointed the master developer to implement key activities in the rejuvenation of Sungai Klang, handles the management of the urban river park.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	/	ORIENTAL DAILY	THE SUN DAILY ONLINE	26/03/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Terengganu to amend Turtle Enactment in November - Exco

25 MAR 2021 / 18:44 H



Pix for representational purpose only. — AFP

KUALA TERENGGANU: The Terengganu government will amend the Turtle Enactment 1951 (Amendment 1987) during the State Legislative Assembly sitting in November this year.

State Agriculture and Food Industry, Plantation, Commodity and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said that once the amendment was implemented, the sale of all types of turtle eggs would be banned in Terengganu.

“The current enactment, with the last amendment in 1987, is no longer relevant. The public is not afraid because the punishment is too lenient and the fine rate is too low.

“The enactment only prohibits the sale of leatherback turtles’ eggs, and the species has not landed in Terengganu for a long time. The last landing was detected in 2017 at two locations in Dungun, namely in Kuala Abang and Rantau Abang,” he said.

He said this to reporters after visiting the turtle conservation centre at Pantai Mak Kepit in Pulau Redang today.

Dr Azman also said that currently, Terengganu is the only state in Malaysia that still allows the

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	/	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

sale of eggs of other turtle species (green, hawksbill and olive ridley) openly.

He said that the state government's intention to ban the sale of all types of turtle eggs, through the amendment of the enactment, had so far received very positive feedback from various quarters.

Non-governmental organisations (NGOs) involved in turtle conservation and the environment, as well as institutions of higher learning, are among those who welcome this proposal.

"At the same time, we hope the public takes note of this matter, especially traders at the Pasar Besar Kedai Payang who are still selling turtle eggs, to stop the activity in stages before the ban is fully enforced," he said.

The state government also increased the total allocation for turtle conservation efforts by channeling RM300,000 this year compared with RM180,000 last year as a sign of concern for the effort, he said. — *Bernama*